

24/11/1997

Menangani masalah melalui strategi

Nik Yahya Abd. Rahman

APABILA sesuatu bencana melanda negara atau jika sesebuah pertubuhan dan organisasi menghadapi masalah ataupun seseorang individu yang berhadapan situasi yang genting dan merumitkan, sudah tentu suatu langkah konkrit dan strategis akan diambil bagi menangani permasalahan berkenaan mengikut status dan kemampuan masing-masing.

Satu contoh terbaik dan terbaru, apabila negara kita menghadapi kejatuhan nilai matawang yang mengakibatkan berlakunya defisit imbalan pembayaran negara, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim terus mencadangkan beberapa strategi mapan dan berhemat bagi menangani masalah berkenaan yang kian meruncing.

Di antara strategi berkenaan ialah mengurangkan kebergantungan negara terhadap barangan import dan tidak menggalakkan rakyat melancong keluar negara secara jangka pendek, disamping beberapa strategi kewangan secara jangka panjang yang lain yang sedang disusun oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan dan lain-lain.

Jelasnya, "strategi" merupakan suatu langkah yang komprehensif, menyeluruh dan bersesuaian dengan persekitarannya yang patut diambil bagi mengatasi masalah yang dihadapi baik di peringkat pertubuhan, organisasi atau negara, dan di masa yang sama perlu bersedia bersaing di dalam usaha mencapai matlamat atau objektif penubuhannya.

Gluek dan Laurence (1984) mendefinisikan strategi sebagai satu penyatuan yang menyeluruh di dalam setiap bahagian perusahaan dan membentuk satu susunan perancangan yang berkaitan dengan kelebihan strategi berkenaan di dalam sesuatu industri untuk bersaing dengan persekitaran bagi memastikan objektif pokok sesebuah organisasi yang ditubuhkan tercapai.

Sementara, Rue dan Holland (1986) menjelaskan yang strategi merupakan suatu langkah bagaimana organisasi atau syarikat boleh mencapai matlamatnya melalui adunan di antara peluang dan ancaman di dalam persekitaran dengan sumber-sumber berasaskan kesanggupan organisasi berkenaan.

Mengulas mengenai kepentingan pengurusan strategi, Pensyarah Jabatan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Abd. Rashid Md. Ali menyatakan yang pengurusan strategi adalah penting. Katanya, strategi merupakan satu proses melibatkan suatu pihak di dalam menentukan arahan dan prestasi organisasi atau syarikat melalui pembentukan yang teliti, pelaksanaan yang tepat dan penilaian yang berterusan terhadap strategi yang diambil.

Katanya, ketua jabatan (CEO) perlu melibatkan diri sepenuhnya dalam proses pengurusan strategi yang bermula dari peringkat akar umbi dan difahami oleh semua ahli pertubuhan atau pekerja organisasi yang terlibat.

Berasaskan kajian Red Moyer (1980), Abd. Rashid berkata, bahawa pembentukan matlamat boleh ditentukan bersama kakitangan bawahan.

Disamping itu pengurus perlu bekerjasama dengan pihak pengurusan di semua peringkat untuk membentuk matlamat.

Akhirnya matlamat berkenaan perlu diterjemah secara bijak sebagai suatu pernyataan bertulis untuk dibuat perbandingan di masa akan datang di dalam bagi menjamin kejayaannya.

Katanya lagi, pengurusan strategi sepatutnya mengambil kira faktor komunikasi dan gelagat pekerja yang wujud yang dapat membantu memastikan seluruh bahagian organisasi bekerja ke arah pencapaian objektif dengan matlamat yang sama.

Rue dan Holland (1986) menegaskan yang amalan pengurusan strategi menentukan yang penilaian berterusan terhadap sebarang perubahan dalaman atau luaran akan meletakkan pendekatan yang paling sesuai untuk dilaksanakan.

Dalam merancang pengurusan strategi adalah penting kepada kakitangan dalaman organisasi dan luaran untuk memilih seseorang yang mempunyai kriteria yang berwibawa apabila berlaku sesuatu krisis nilai di antaranya; mempunyai keyakinan terhadap pengurusan atasan dan kakitangan yang terlibat dalam proses pengurusan strategi, mempunyai pengalaman dalam proses pembinaan komunikasi, mempunyai seni untuk meletakkan pemahaman pengurusan, disamping bersikap jujur.

Abd Rashid juga berkata yang faktor-faktor lain boleh mempengaruhi perancangan luar, di antaranya daya fikiran yang kreatif dalam membawa strategi kepada pendekatan yang baru dan idea-idea yang bernas di mana kebanyakan pengurus mempunyai idea baik tetapi tidak tahu menyalurkan idea berkenaan.

Akibatnya, idea berkenaan akan hanyut begitu sahaja.

Bagi menyokong kenyataan berkenaan, Abd Ra shid berkata Perdana Menteri kita mempunyai kepakaran berkenaan yang disesuaikan dengan keadaan dan masa yang tepat untuk beliau mengutarakan pendapatnya bagi menyelesaikan sesuatu kekusutan yang berlaku terutamanya yang melibatkan kepentingan awam.

Contohnya, Dr Mahathir menegur masyarakat kota yang tidak bertanggungjawab dengan membuang sampah di merata-rata tempat telah mendapat reaksi spontan dan berkesan dari semua pihak.

Anthony dan Welsch (1984) pernah menegaskan yang setiap elemen yang didapati dari strategi perlu diambil tahu sama ada melalui perbincangan atau ketegasan untuk mengambil alih setiap sistem pengurusan bagi mewujudkan intergrasi dalam cara atau gaya strategi berkenaan dilaksanakan.

Dalam melaksana proses pengurusan strategi, faktor persekitaran perlu diambilkira.

John (1982) menyatakan analisa persekitaran adalah satu cara untuk melihat keadaan di luar syarikat di mana perancangan dan mengelakkan dengan berkesan sekiranya berlaku keadaan yang tidak baik.

Katanya, pengurusan strategi adalah perkara pokok kepada operasi perniagaan, manakala analisis persekitaran pula merupakan asas mengetahui apa yang berlaku dengan menggunakan teknik-teknik yang sesuai.

Sementara, faktor masa merupakan elemen penting ke arah kejayaan atau kegagalan sesebuah syarikat.

Schoeffler (1984) pula menunjukkan yang sesebuah organisasi yang mempunyai pengurusan strategik lebih berjaya dari organisasi yang tidak mengamalkan pengurusan strategi.

Beliau mencadangkan supaya;

- * ketua eksekutif yang terlibat secara langsung dalam perancangan bertanggungjawab terhadap pertumbuhan organisasi;
- * keputusan pengurusan strategi dapat dilihat melalui prestasi syarikat melalui kewangan kadar pulangan ekuiti dan pertumbuhan aset;
- * pengurusan strategi memberikan penjelasan tentang matlamat dan arah haluan masa hadapan organisasi serta.
- * mereka boleh membandingkan prestasi masa depan dan hari ini.
- * Berasaskan beberapa pandangan di atas, dapatlah dirumuskan yang perancangan strategi adalah mustahak dan boleh dilaksanakan pada bila-bila terutamanya ketika menghadapi persaingan dan dilanda masalah.

Lebih daripada itu, apabila sesebuah institusi untuk merubah strukturnya.

Ini terbukti berlaku apabila kerajaan sanggup membuat reformasi

komprehensif terhadap struktur perkhidmatan awam negara kita daripada struktur Laporan Kabinet tahun (1977) kepada Sistem Saraan Baru (SSB) tahun 1992, yang lebih ringkas, kemas dan berkesan.

Dalam hubungan ini juga, kita akan sama-sama memberikan perhatian terhadap strategi yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan apabila kesedaran penduduk semakin tinggi terhadap perlindungan dan hak peribadi. Apakah suatu dasar dikenali Dasar Kesihatan Awam akan digubal segera? Begitu juga, apabila Pengerusi Eksekutif Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajuddin Ramli yang sanggup untuk menyaman seorang Timbalan Menteri sebagai suatu strategi?

Tegasnya, pengurusan strategi merupakan salah satu kunci hikmat kepada kejayaan sesebuah organisasi di dalam mencapai matlamat penubuhannya. Biar pun kadang kala, mendapat tentangan dan tidak disenangi oleh ahli atau pekerjanya.

Disamping itu, sikap ahli atau pekerja yang peka kepada tuntutan persekitaran, keadaan komunikasi yang sistematik dan telus serta kedudukan kewangan yang kukuh adalah pelengkap kepada usaha berkenaan.

(END)